

Anak Malaysia buat filem di Australia

Oleh Ridzuan Abdul Rahman

mohamadridzuan@hmetro.com.my

Tiada yang mustahil jika ada semangat, minat dan kemahuan yang tinggi.

Inilah dibuktikan enam anak Malaysia apabila berganding tenaga menghasilkan filem ‘suspense thriller’ berjudul Lurking Woods di Australia.

Ia diterbitkan Rodman Pictures Pte Ltd milik rakyat Malaysia yang berpangkalan di Perth, Australia dan menampilkan pelakon dari negara kanggaru itu.

Mengambil semangat slogan Filem Malaysia Ke Persada Dunia, Lurking Woods dihasilkan menerusi sentuhan Rodney Manikam sebagai penerbit, Rizal Halim sebagai pengarah dan Desmond Hew sebagai penulis skrip.

Mereka turut disokong tiga lagi pelabur dari Malaysia bagi memastikan impian ini berjaya menjadi kenyataan.

Rodney yang berasal dari Pulau Pinang adalah pemilik syarikat produksi manakala Rizal yang berasal dari Batu Gajah, Perak pernah aktif sebagai pelakon dan pelakon lakon ngeri sebelum bekerja di belakang tabir.

Ditemui pada sidang media baru-baru ini, Rizal mengakui teruja diberi kepercayaan mengarah filem ini yang bakal ditayangkan di beberapa negara hujung tahun ini.

“Saya sudah mengikuti banyak kursus di dalam serta di luar negara berkaitan industri perfileman bagi menambah ilmu serta memantapkan diri.

“Hubungan dengan Rodney pula sudah bermula sejak 12 tahun lalu. Dia berpuas hati dengan pencapaian filem pendek arahan saya berjudul Still Life yang pernah ditayangkan di Festival Filem Cannes pada 2014.

“Ketika itu saya bertindak sebagai pengarah fotografi. Bagaimanapun, dia percaya dengan kebolehan saya seterusnya memberi peluang mengarahkan filem ini,” katanya.

Filem berdurasi satu jam 20 minit ini menampilkan 14 pelakon dengan empat pelakon utama lelaki dan tiga pelakon utama wanita. Lokasi penggambaran pula ialah sekitar kawasan ladang di Perth.

Rizal berkata, mereka turut merancang menghantar filem ini ke pelbagai festival filem antarabangsa.

“Saya percaya filem ini ada keistimewaan dan ada sesuatu yang nak ditampilkan kepada penonton. Teknologi kamera bersolusi 6K Red Dragon turut digunakan bagi menghasilkan Lurking Woods,” katanya yang pernah membintangi filem The Hired Killer bersama Rodman pada 2005.

Rizal juga pernah bergelar juara karate do dan pernah menjadi pelakon lagak ngeri untuk filem Hollywood Beyond Rangoon pada 1994, filem Hong Kong Police Story 2 (1995) dan Anna & The King (1998).

Dalam pada itu, Rodney berkata, Lurking Woods kini dalam pasca produksi dan dijangka siap untuk tayangan perdana pada September atau Oktober ini.

“Pada mulanya kami memikirkan sebuah filem genre lain tapi memikirkan faktor kos dan bajet yang lebih kecil, kami akhirnya memilih menerbitkan Lurking Woods.

“Filem ini mengisahkan berkenaan enam sahabat terperangkap dalam tragedi pembunuhan sewaktu mengadakan percutian di sebuah lokasi cantik di Australia Barat.

“Mereka mengadakan percutian reunion di kawasan hutan itu dan bermain permainan sembunyi-sembunyi tanpa mengetahui seorang pembunuh turut terbabit dalam permainan itu.

“Erti persahabatan mereka teruji apabila masing-masing bergelut untuk menyelamatkan nyawa daripada dibunuh oleh pembunuh misteri itu,” katanya.

Filem dengan kos RM1.5 juta ini adalah taruhan pertama Rizal bagi pasaran Australia dan negara lain sebelum dibawa masuk ke Malaysia untuk tontonan peminat genre suspen thriller di negara ini.

“Filem ini sememangnya berkonsepkan 1Malaysia. Saya berbangsa India, Rizal pula Melayu dan kini mengarahkan filem lakonan orang Australia.

“Penghasilan Lurking Woods yang boleh dianggap bertaraf antarabangsa, membuatkan saya terpanggil untuk bekerjasama mempromosikannya.

“Produksi Rodman Pictures boleh dianggap platform untuk pengarah kita mengarah di peringkat antarabangsa. Penghasilan filem ini sekurang-kurangnya akan dapat mengharumkan nama Malaysia di pentas dunia,” katanya.

Rodney berkata, Rodman Pictures adalah syarikat produksi dikenali di Australia dan ia memberi peluang kepada pelakon Malaysia menaik taraf dan mempopularkan diri mereka kerana mereka ada perancangan untuk menghasilkan filem yang menggabungkan pelakon Australia dan Malaysia pada masa depan.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 28 Ogos 2015 @ 11:00 AM

[«](#) [»](#)



RODNEY (dua dari kanan) menceritakan pengalaman menghasilkan filem ini.



- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/73559#sthash.jOzDYUez.dpuf>